



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA, SIRI 1/2026

**Perdagangan luar dan permintaan domestik kekal kukuh,
menyokong momentum ekonomi keseluruhan meskipun berdepan
ketidaktentuan global**

PUTRAJAYA, 30 JANUARI 2026 – Hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menerbitkan **Sorotan Statistik Ekonomi Malaysia (MESR), Siri 1/2026**. Edisi ini memberi tumpuan kepada statistik terkini yang dikeluarkan pada November 2025 serta beberapa statistik akan datang bagi Disember 2025. Selain itu, edisi ini turut menampilkan artikel tambahan bertajuk, “Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia (MHDI): Cerminan Kehidupan Sehari-hari, Penanda Aras Antarabangsa dan Implikasi Dasar RMK13”, yang menekankan bahawa kemajuan pembangunan rakyat Malaysia melangkaui pendapatan dan kesihatan, dengan kualiti pendidikan dan ketidaksamaan muncul sebagai pemacu utama. Pengukuhan Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia (MHDI) sebagai hala tuju dasar dan kehidupan harian memberikan pandangan kritikal untuk membimbing keutamaan RMK13 dan memperkukuh kesejahteraan inklusif serta mampan.

Di sebalik ketegangan perdagangan dan ketidaktentuan dasar, laporan *Global Economic Prospects* Januari 2026 melaporkan ekonomi global menunjukkan daya tahan yang lebih kukuh daripada jangkaan pada tahun 2025, berkembang pada anggaran 2.7 peratus, melebihi unjuran awal sebanyak 0.4 mata peratusan. Tatkala faktor sokongan semakin berkurangan dan permintaan terhadap barangan dagangan melemah, pertumbuhan global dijangka menyederhana kepada 2.6 peratus pada tahun 2026 sebelum meningkat 2.7 peratus pada tahun 2027, didorong oleh pengukuhan permintaan domestik, kelonggaran dasar monetari dan penambahbaikan keadaan perdagangan.

Memfokuskan kepada perkembangan ekonomi terkini, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan, “Anggaran Keluaran Dalam Negari Kasar (KDNK) Awalan Malaysia mencatatkan pengembangan yang lebih tinggi 5.7 peratus pada suku tahun keempat 2025 (ST3 2025: 5.2%), menandakan momentum ekonomi yang berterusan. Dari segi suku tahun ke suku tahun, ekonomi bertumbuh 3.0 peratus, menyederhana berbanding 5.4 peratus

pada suku tahun ketiga 2025, mencerminkan kadar pertumbuhan yang lebih seimbang dan terkawal menjelang akhir tahun.”

Di tengah pertumbuhan ekonomi Malaysia yang stabil, Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) mengekalkan momentumnya, meningkat 4.3 peratus tahun ke tahun pada November 2025. Pengembangan ini bersifat meluas, dipacu oleh sektor Pembuatan (4.9%), Elektrik (2.7%) dan Perlombongan (2.3%), mencerminkan daya tahan perindustrian yang berterusan. Dari segi bulan ke bulan, IPP menyusut sedikit 1.1 peratus selepas pertumbuhan 2.1 peratus pada Oktober, namun keseluruhan aktiviti perindustrian terus menunjukkan prestasi yang kukuh.

Momentum dalam sektor Pembuatan kekal positif, dengan jumlah nilai jualan meningkat 4.6 peratus tahun ke tahun pada November 2025 (Oktober 2025: 6.3%), mencecah RM169.4 bilion. Pengembangan ini diterajui oleh subsektor Elektrik & Elektronik (E&E) yang mencatatkan pertumbuhan 10.8 peratus, mencerminkan permintaan domestik dan eksport yang kukuh. Jualan kumulatif bagi tempoh Januari hingga November 2025 mencecah RM1.8 trilion, mewakili pertumbuhan 4.0 peratus berbanding tempoh sama tahun 2024, menandakan prestasi yang stabil sepanjang tahun. Dari segi bulan ke bulan, jualan menurun 1.3 peratus daripada RM171.6 bilion pada Oktober 2025.

Didorong oleh perbelanjaan pengguna yang stabil, sektor Perkhidmatan Malaysia terus menunjukkan daya tahan, dengan jumlah jualan Perdagangan Borong dan Runcit mencecah RM158.9 bilion pada November 2025, meningkat 6.4 peratus tahun ke tahun. Pertumbuhan ini diterajui oleh Perdagangan Runcit, diikuti oleh Perdagangan Borong dan Kenderaan Bermotor, mencerminkan permintaan domestik yang kukuh dan aktiviti komersial yang berterusan. Walaupun jualan menyusut sedikit 1.2 peratus dari segi bulan ke bulan, prestasi keseluruhan sektor kekal kukuh, menandakan momentum dan daya tahan yang berterusan.

Menyoroti trend perdagangan luar Malaysia, perdagangan barangan terus menunjukkan prestasi yang kukuh pada November 2025, dengan jumlah perdagangan meningkat 11.1 peratus tahun ke tahun, disokong oleh eksport bernilai RM135.0 bilion, meningkat 7.0 peratus, dan import sebanyak RM128.9 bilion, meningkat 15.8 peratus. Eksport diterajui oleh produk Elektrik & Elektronik (E&E) serta Alat & perkakas ikhtisas, sains & kawalan, manakala pertumbuhan import didorong terutamanya oleh barangan E&E, mencerminkan permintaan domestik dan global yang berterusan. Dari segi bulan ke bulan, jumlah perdagangan, eksport dan import masing-masing mencatatkan pergerakan -4.5 peratus, -9.0 peratus dan 0.7 peratus, mencerminkan pelarasan pasaran jangka pendek di tengah prestasi perdagangan yang secara amnya kukuh. Prestasi perdagangan terus mengukuh pada Disember 2025, mengekalkan pengembangan 11.1 peratus tahun ke tahun, menggariskan daya tahan dan momentum perdagangan barangan Malaysia di tengah ketidakpastian global.

Dari perspektif harga, inflasi Malaysia meningkat sedikit daripada 1.3 peratus pada Oktober 2025 kepada 1.4 peratus pada November, didorong terutamanya oleh kenaikan harga dalam Pendidikan (2.6%), Minuman Alkohol & Tembakau (2.4%), dan Pengangkutan (0.2%). Inflasi Makanan & Minuman kekal stabil pada 1.5 peratus, manakala Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain menyederhana kepada 0.7 peratus. Pada Disember 2025, inflasi keseluruhan meningkat lagi kepada 1.6 peratus, dengan Indeks Harga Pengguna (IHP) berada pada 135.5 mata, disokong oleh kenaikan harga dalam Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial, Barangan & Perkhidmatan Pelbagai serta Pendidikan, menunjukkan tekanan inflasi yang stabil dan terkawal.

Melihat kepada harga pengeluaran, Indeks Harga Pengeluar (IHPR) bagi Pengeluaran Tempatan Malaysia menurun 1.8 peratus tahun ke tahun pada November 2025, berbanding penurunan marginal 0.1 peratus pada Oktober. Penguncupan ini didorong terutamanya oleh Pertanian, Perhutanan & Perikanan (-9.7%) dan Perlombongan (-7.2%), manakala sektor Pembuatan turut mencatatkan penurunan sederhana 0.6 peratus. Dari segi bulan ke bulan, IHPR bagi pengeluaran tempatan menguncup 0.3 peratus, menunjukkan pelarasan harga pengeluaran yang terkawal. IHPR Malaysia terus menurun 2.7 peratus tahun ke tahun pada Disember 2025, menandakan penyederhanaan berterusan dalam trend harga pengeluaran di tengah prestasi sektor yang bercampur-campur.

Dari sudut pasaran buruh, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menjelaskan tenaga buruh Malaysia meningkat 2.8 peratus tahun ke tahun kepada 17.61 juta orang pada November 2025, manakala Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB) kekal stabil pada 70.9 peratus, mencerminkan kestabilan berterusan dalam keadaan pasaran buruh. Sementara itu, bilangan penduduk bekerja meningkat 3.1 peratus kepada 17.09 juta orang, meningkatkan nisbah guna tenaga kepada penduduk kepada 68.8 peratus, meningkat 0.5 mata peratusan berbanding setahun lalu, menandakan prestasi pasaran buruh yang stabil dan berdaya tahan.

Dari perspektif pandang ke hadapan, Indeks Pelopor (IP) Malaysia menunjukkan tanda-tanda penyederhanaan, meningkat marginal 0.2 peratus tahun ke tahun kepada 113.2 mata. Peningkatan ini disokong terutamanya oleh lonjakan ketara dalam Bilangan Unit Kediaman Diluluskan Pembinaan (67.5%) serta pertumbuhan stabil dalam Bekalan Wang Benar, M1 (5.5%), menunjukkan daya tahan berterusan dalam permintaan domestik. Walau bagaimanapun, dari segi bulan ke bulan, IP menurun 2.4 peratus, sebahagian besarnya disebabkan oleh kelemahan import semikonduktor dan logam bukan ferus. Secara keseluruhan, Indeks Pelopor menunjukkan trajektori pertumbuhan yang sederhana, dengan asas domestik terus memberikan sokongan di tengah keadaan luaran yang lebih lembap.

Di tengah persekitaran global yang semakin sederhana, ekonomi Malaysia menunjukkan pertumbuhan yang berdaya tahan menjelang akhir tahun 2025, dengan anggaran awal menunjukkan pengembangan yang lebih tinggi pada suku tahun keempat disokong oleh momentum yang stabil dalam sektor Perkhidmatan,

Pembuatan dan perindustrian. Secara keseluruhan, ekonomi Malaysia menutup tahun 2025 dengan kedudukan yang berdaya tahan, disokong oleh permintaan domestik yang kukuh, inflasi yang terkawal dan keadaan pasaran buruh yang stabil, serta berada dalam kedudukan yang baik untuk mengharungi pertumbuhan sederhana di tengah ketidakpastian luaran.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan Banci Ekonomi 2026 (BE2026), bertemakan “Data Nadi Ekonomi Rakyat”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari 5 Januari hingga 31 Oktober 2026. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dikeluarkan oleh:


PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
30 Januari 2026

Lampiran 1: Petunjuk Ekonomi Bulanan

Indeks Pelopor

113.2 mata


November 2025



Kadar Pengangguran

2.9%


November 2025



Pengeluaran Buah Tandan Segar

19.1%


Disember 2025



Pengeluaran Getah Asli

-48.2%


November 2025



Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP)

4.3%


November 2025



Nilai Jualan Sektor Pembuatan


4.6%

November 2025




Nilai Jualan Perdagangan Borong & Runcit

6.4%
November 2025




Indeks Volum Perdagangan Borong & Runcit

5.2%
November 2025




Eksport

10.4%
Disember 2025




Import

12.0%
Disember 2025




Indeks Harga Pengguna (IHP)

1.6%
Disember 2025



Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan

-2.7%
Disember 2025





MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

MALAYSIA ECONOMIC STATISTICS REVIEW, VOLUME 1/2026

External trade and domestic demand remained strong, supporting overall economic momentum despite global uncertainties

PUTRAJAYA, 30th JANUARY 2026 – Today, the Department of Statistics, Malaysia (DOSM) released the **Malaysian Economic Statistics Review (MESR), Volume 1/2026**. This edition focuses on the recent statistics released in November 2025 and some forthcoming statistics for December 2025. On top of that, this edition features an additional article titled, “Malaysia Human Development Index (MHDI): A Reflection of Daily Life, International Benchmarking and Policy Implications under RMK13”, which highlights that Malaysia’s human development progress extends beyond income and health, with education quality and inequality emerging as key drivers. Strengthening the Malaysia Human Development Index (MHDI) as a policy and daily-life compass provides critical insights to guide RMK13 priorities and enhance inclusive, sustainable well-being.

Amid trade tensions and policy uncertainty, the January 2026 Global Economic Prospects reports that the global economy demonstrated stronger-than-expected resilience in 2025, expanding by an estimated 2.7 per cent, exceeding earlier projections by 0.4 percentage points. As supportive factors fade and demand for traded goods softens, global growth is projected to moderate to 2.6 per cent in 2026 before recovering to 2.7 per cent in 2027, driven by strengthening domestic demand, monetary policy easing, and improving trade conditions.

Focusing on recent economic developments, Chief Statistician Malaysia, Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin stated, “Malaysia’s advance Gross Domestic Product (GDP) estimates recorded a higher expansion of 5.7 per cent in the fourth quarter of 2025 (Q3 2025: 5.2%), underscoring sustained economic momentum. On a quarter-on-quarter basis, the economy grew by 3.0 per cent, moderating from 5.4 per cent in the third quarter of 2025, reflecting a more measured and balanced pace of growth toward the year-end.”

Amid steady economic growth in Malaysia, the Industrial Production Index (IPI) maintained its momentum, rising 4.3 per cent year-on-year in November 2025. The

expansion was broad-based, led by Manufacturing (4.9%), Electricity (2.7%) and Mining (2.3%) sectors, reflecting ongoing industrial resilience. On a month-on-month basis, the IPI eased slightly by 1.1 per cent after October's 2.1 per cent growth, while overall industrial activity continued to show strength.

Momentum in the Manufacturing sector remained positive, with total sales value rising 4.6 per cent year-on-year in November 2025 (October 2025: 6.3%), reaching RM169.4 billion. The expansion was led by the Electrical & Electronics (E&E) sub-sector, which grew 10.8 per cent, reflecting robust domestic and export demand. Cumulative sales for January to November 2025 reached RM1.8 trillion, representing 4.0 per cent growth compared to the same period in 2024, signaling steady performance throughout the year. On a month-on-month basis, sales eased by 1.3 per cent from RM171.6 billion in October 2025.

Driven by steady consumer spending, Malaysia's Services sector continued to show resilience, with total sales in Wholesale and Retail trade reaching RM158.9 billion in November 2025, up 6.4 per cent year-on-year. Growth was led by Retail Trade, followed by Wholesale Trade and Motor Vehicles, reflecting strong domestic demand and sustained commercial activity. While sales eased slightly by 1.2 per cent on a month-on-month basis, the overall sector performance remained solid, underscoring steady momentum and resilience.

Highlighting Malaysia's external trade trends, merchandise trade continued to show strong performance in November 2025, with total trade rising 11.1 per cent year-on-year, supported by exports of RM135.0 billion, up 7.0 per cent, and imports of RM128.9 billion, increasing 15.8 per cent. Exports were led by Electrical & Electronics (E&E) products and Professional, Scientific & Controlling Instruments & Apparatus, while import growth was driven primarily by E&E goods, reflecting sustained domestic and global demand. On a month-on-month basis, total trade, exports, and imports saw movements of -4.5 per cent, -9.0 per cent, and 0.7 per cent, respectively, highlighting short-term market adjustments amid a generally strong trade performance. Trade performance strengthened further in December 2025, maintaining an 11.1 per cent year-on-year expansion, underscoring Malaysia's resilience and steady momentum in merchandise trade amid global uncertainties.

From a price perspective, Malaysia's inflation edged up from 1.3 per cent in October 2025 to 1.4 per cent in November, driven mainly by price increases in Education (2.6%), Alcoholic Beverages & Tobacco (2.4%), and Transport (0.2%). Food & Beverages inflation remained steady at 1.5 per cent, while Housing, Water, Electricity, Gas & Other Fuels moderated to 0.7 per cent. In December 2025, headline inflation increased further to 1.6 per cent, with the Consumer Price Index (CPI) standing at 135.5 points, supported by price rises in Personal Care, Social Protection, Miscellaneous Goods & Services, and Education, indicating steady and manageable inflationary pressures.

Looking at producer prices, Malaysia's Producer Price Index (PPI) for Local Production declined by 1.8 per cent year-on-year in November 2025, deepening from a marginal 0.1 per cent decrease in October. The contraction was primarily driven by Agriculture, Forestry & Fishing (-9.7%) and Mining (-7.2%), while Manufacturing also recorded a moderate decline of 0.6 per cent. On a month-on-month basis, the PPI for local production edged down 0.3 per cent, indicating a measured adjustment in producer prices. Malaysia's PPI continued to decline by 2.7 per cent year-on-year in December 2025, highlighting ongoing moderation in producer price trends amid mixed sector performance.

On the labour market front, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin highlighted that Malaysia's labour force grew 2.8 per cent year-on-year to 17.61 million persons in November 2025, while the Labour Force Participation Rate (LFPR) remained steady at 70.9 per cent, reflecting continued stability in labour market conditions. Meanwhile, employment rose 3.1 per cent to 17.09 million, lifting the employment-to-population ratio to 68.8 per cent, up 0.5 percentage points from a year earlier, underscoring steady and resilient labour market performance.

From a forward-looking perspective, Malaysia's Leading Index (LI) showed signs of moderation, increasing marginally by 0.2 per cent year-on-year to 113.2 points. The improvement was supported mainly by a sharp rise in the Number of Housing Units Approved for Construction (67.5%) alongside stable growth in Real Money Supply, M1 (5.5%), indicating continued resilience in domestic demand. However, on a month-on-month basis, the LI declined by 2.4 per cent, largely due to weaker imports of semiconductors and non-ferrous metals. Overall, the Leading Index points to a moderating growth trajectory, with domestic fundamentals providing support amid softer external conditions.

Amid a gradually moderating global environment, Malaysia's economy demonstrated resilient growth toward the end of 2025, with advance estimates showing higher expansion in the fourth quarter supported by steady momentum in Services, Manufacturing and industrial sectors. Overall, Malaysia's economy closed 2025 on a resilient footing, supported by strong domestic demand, manageable inflation and stable labour market conditions, while remaining well positioned to navigate moderating growth amid external uncertainties.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Economic Census 2026 (BE2026), themed "Data Nadi Ekonomi Rakyat". The sixth Economic Census, running from 5th January to 31st October 2026. BE2026 aims to collect comprehensive, structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation's economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.


Malaysia has, for the first time, successfully secured the top position globally in the biennial Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Released by:


**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
9 JANUARY 2026**

Exhibit 1: Monthly Economic Indicator




Sales Value of Wholesale & Retail Trade

6.4%
November 2025




Volume Index of Wholesale & Retail Trade

5.2%
November 2025




Exports

10.4%
December 2025




Imports

12.0%
December 2025



Consumer Price Index (CPI)

1.6%
December 2025



Producer Price Index (PPI) Local Production

-2.7%
December 2025

